

## **KESEDARAN DAN KELAKUAN PELAJAR PRASISWAZAH TERHADAP AKTIVITI PLAGIAT DALAM PENULISAN AKADEMIK**

**<sup>1</sup>Wan Hanna Melini Wan Mohtar  
A.J Amirul Aiman  
Nur Azura Abdullah  
Nur Izzi Md. Yusoff  
Azrul Abdul Mutalib**

**Jabatan Kejuruteraan Awam & Struktur  
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

### **Abstrak**

Makalah ini membincangkan tahap kesedaran dan kelakuan pelajar prasiswazah di universiti terhadap aktiviti plagiat dalam penulisan akademik. Objektif kajian adalah untuk menilai pengetahuan dan pemahaman pelajar mengenai plagiat, termasuk jenis-jenis plagiat yang biasa dilakukan oleh pelajar, tahap keseriusan dan kekerapan perlakuan setiap jenis plagiat. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang mempunyai tiga bahagian. Responden kajian terdiri daripada pelajar prasiswazah, dari tahun pertama hingga tahun akhir pengajian di sebuah institusi pengajian tinggi awam di Malaysia dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Dapatan kajian menunjukkan, hampir 80% para pelajar prasiswazah mempunyai kesedaran dan mengetahui implikasi aktiviti plagiat, namun begitu mereka mengaku masih melakukan plagiat dalam penulisan akademik. Dapatan dominan menunjukkan empat jenis plagiat dalam takrif serius iaitu pencurian, penyalinan kata demi kata, penulisan hantu dan plagiat lain, manakala aktiviti plagiat seperti parafrasa palsu, parafrasa gelap dan kitar semula dianggap tidak serius kerana mendapat maklum balas yang rendah daripada pelajar. Signifikan kajian ini ialah, dapat membantu pihak universiti untuk mengadakan kursus-kursus penulisan akademik yang beretika supaya peratus plagiat dalam kalangan pelajar dapat dikurangkan seterusnya dapat mengelakkan hal ini daripada berlaku.

**Kata kunci:** kesedaran plagiat; jenis plagiat; pelajar prasiswazah; Malaysia.

## PENGENALAN

Plagiat merupakan isu interdisiplin yang melibatkan aspek psikologi, sosiologi, etika dan perundangan yang merangkumi pelbagai konteks yang bertentangan dengan budaya akademik (Sutherland-Smith 2005). Aktiviti ini sekali gus memberi maksud mempersebah atau mengakui kerja atau hak milik orang lain sebagai hasil sendiri tanpa perakuan dan tatacara rujukan yang benar. Perkara ini dapat dikatakan sebagai penipuan akademik, yang melibatkan penggunaan idea, buah fikiran orang lain secara sedar, tidak mengakui sumbangan penulis lain dan mengakui hasil penulisan ialah idea sendiri (Palmquist 2003).

Plagiat oleh para pelajar bukan satu perkara baharu dalam membincangkan ketidakjujuran akademik pelajar (Davis et al. 1992). Hal ini, disokong oleh Wilkinson (2009), dengan mengatakan bahawa plagiat dan menipu ialah satu bentuk kesalahan yang membimbangkan dan merisaukan para sarjana di pengajian tinggi. Dalam dunia teknologi yang serba canggih kini, Sterngold (2004) berpendapat bahawa kemajuan teknologi maklumat yang pesat meluaskan perolehan sumber maklumat dalam bentuk digital dan memacu penyalinan bahan atas talian. Pada masa sama, tugas ahli akademik bertambah dengan keperluan untuk mengesan plagiat dalam tugasan pelajar melalui perisian lembut seperti *Turnitin* bagi memastikan tugasan yang dihantar ialah hasil karya asli. Kekangan masa untuk membuat penilaian terhadap tugasan secara ketat juga menyumbang kepada peningkatan plagiat (Ashworth et al. 2003). Satu daripada jenis plagiat yang dikenal pasti sebagai kebiasaan dalam kalangan pelajar ialah kegagalan untuk mengakui sumbangan idea atau kata-kata daripada penulis asal (McCabe & Trevino 1993).

Apabila pelajar memasuki institusi pengajian tinggi, didapati bahawa kefahaman mereka terhadap plagiat merupakan satu proses pembudayaan yang beransur-ansur (Ashworth et al. 2003). Mereka selalunya tidak diajar kemahiran penulisan yang baik di peringkat universiti dan kebiasaannya pelajar masih terikut-ikut dengan teknik penulisan kurang tepat dan tidak efektif seperti yang diguna pakai di peringkat sekolah menengah (Wilhoit 1994). Walaupun pelajar sedar dan tahu akan keseriusan kesalahan melakukan plagiat, namun masih ada antara mereka yang gagal untuk membezakan jenis-jenis aktiviti plagiat (Foltynek & Cech 2012). Contohnya, cara-cara memetik teks dan rujukan yang tidak tepat sentiasa menyumbang kepada aktiviti plagiat oleh pelajar (White 1993; Risquez et al. 2013).

Antara punca yang sering dibahaskan dalam aktiviti plagiat penulisan akademik ini adalah disebabkan budaya setempat atau kefasihan dalam berbahasa Inggeris. Pelajar Asia terutamanya ialah bukan penutur asli Bahasa Inggeris dan kajian mendapati bahawa mereka lebih selalu melakukan plagiat berbanding dengan pelajar di Eropah atau Amerika (Deckert 1993; Intron 2003). Pelajar Asia dididik secara Confucius dengan penekanan untuk menghafal dan menulis semula bahan maklumat sedia ada (Martin et. al. 2013). Namun begitu, Sowden (2005) dan Liu (2005) mematahkan teori

budaya ini dan berpendapat bahawa batasan bahasa ialah satu daripada faktor utama pelajar Asia melakukan plagiat. Pelajar tidak mempunyai keyakinan tinggi dalam penulisan dan meragui kebolehan mereka untuk menyatakan idea dengan menggunakan ayat dan perkataaan sendiri (Carroll 2008). Walau dibincangkan kecenderungan pelajar Asia untuk melakukan plagiat, masalah ini tidak hanya tertakluk kepada bukan penutur asli Bahasa Inggeris sahaja, tetapi berlaku di pelosok dunia (Norris 2007).

Di Malaysia, pelajar diperkenalkan aktiviti plagiat di peringkat pengajian tinggi dan kebiasaannya, mereka mempunyai pengetahuan yang minimum atau tiada langsung maklumat mengenai plagiat (Yusof & Masrom 2011). Oleh sebab pendedahan hanya diberikan di universiti, dan tiada latar belakang pengetahuan sebelum ini, para pelajar dijangkakan akan mengalami kesusahan memahami dan menggunakan syarat-syarat plagiat dalam melakukan tugas akademik mereka (Stappenbelt et. al. 2009; Marshall & Gary 2005).

Terdapat kajian untuk meninjau pemahaman pelajar dari pusat pengajian pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai plagiat telah dijalankan oleh Ali et. al. (2012). Kajian tersebut mendapati bahawa pelajar masih tidak berjaya untuk menggarap sepenuhnya konsep plagiat kerana persepsi pelajar terhadap plagiat adalah salah. Kajian Rosman et. al. (2008) telah menjelaskan aspek persepsi pelajar ketika melakukan tugas. Antaranya mengubah hasil kerja orang lain, memalsukan data kajian atau fakta dalam tugas, menulis tugas untuk pelajar lain dan menyalin tugas kawan. Persepsi mereka dalam aktiviti ini sebagai plagiat remeh-temeh. Seterusnya, aktiviti seperti membuat tugas bersama-sama (walaupun diminta untuk dibuat secara individu) dan menerima bantuan yang tidak sepatutnya daripada kawan ketika menyediakan tugas dikatakan sebagai bukan plagiat. Keputusan kajian tersebut berbeza dengan hasil dapatan Ward (1998) dan ini menunjukkan pelajar masih belum dapat menggarap konsep plagiat dengan jelas. Sebelum itu, kajian oleh Malcolm et. al. (2007) mendapati para pelajar menggunakan artikel yang disalin sepenuhnya daripada internet dan bahan daripada buku teks untuk menyiapkan tugas mereka. Antara hasil dapatan kajian tersebut ialah pelajar lelaki didapati lebih cenderung untuk menggunakan bahan-bahan daripada internet manakala pelajar perempuan pula menggunakan perbincangan bersama-sama rakan-rakan. Pelajar dengan Penilaian Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang tinggi lebih cenderung untuk menyiapkan tugas dengan usaha sendiri dan kurang memetik daripada sumber maklumat berbanding dengan pelajar yang mempunyai PNGK rendah (Malcolm et al. 2007).

Secara amnya, pelajar di Malaysia masih berada pada tahap pemahaman yang rendah terhadap isu plagiat, iaitu mereka dapat mengenal pasti plagiat asas tetapi keliru atau samar-samar dalam tatacara rujukan dan petikan yang betul. Pelajar di Malaysia tidak mempunyai ilmu plagiat secara menyeluruh dan mungkin tidak sedar bahawa terdapat banyak cabang dan aras plagiat dalam penulisan akademik (Yusof & Masrom 2011).

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menilai pengetahuan dan pemahaman pelajar mengenai plagiat, termasuk jenis-jenis plagiat yang biasa dilakukan oleh pelajar, tahap keseriusan dan kekerapan perlakuan setiap jenis plagiat yang dibincangkan.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Pengumpulan dan Pengukuran Data**

Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif digunakan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Maklumat dikumpul menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C, masing-masing merangkumi demografi, kefahaman dan kesedaran serta persepsi kepada jenis plagiat. Setiap bahagian dibincangkan secara terperinci dalam sub bahagian yang seterusnya.

#### **Bahagian A: Demografi**

Bahagian ini mengandungi soalan demografi untuk mengumpul maklumat seperti umur pelajar (responden), jantina, sekolah menengah, kelayakan pendidikan, kaum, bahasa pertuturan, fakulti, tahun dan kursus pengajian.

#### **Bahagian B: Kefahaman dan Kesedaran tentang Plagiat**

Bahagian ini mengandungi beberapa item tentang kefahaman terhadap aktiviti plagiat dan item direka bentuk untuk mendapatkan maklumat mengenai perkara berikut:

- a. Pengetahuan para pelajar tentang plagiat
- b. Pengalaman peribadi dan amalan biasa

Dalam bahagian ini, semua soalan telah diberikan jawapan sama ada ya, tidak atau tidak pasti. Pilihan tidak pasti juga disediakan bagi membantu para pelajar yang agak ragu-ragu dalam memberikan jawapan yang tepat.

#### **Bahagian C: Persepsi dan Pengadilan tentang Jenis Plagiat**

Bahagian ini merupakan bahagian utama kajian. Item diberikan untuk menyelidik persepsi para pelajar tentang jenis-jenis plagiat. Soal selidik yang disediakan untuk kajian ini direka dan dibangunkan berdasarkan tujuh jenis plagiat yang telah ditakrifkan oleh Walker (1998) yang kemudiannya telah dikaji oleh Jensen et al. (2002) dan Maxwell et al. (2008). Jadual 1 memperincikan tujuh keadaan yang menyifatkan jenis plagiat seperti yang ditakrifkan oleh Walker (1998). Untuk membantu para pelajar lebih memahami setiap jenis plagiat, takrifan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 tidak

diberi secara langsung, tetapi sebaliknya dihuraikan secara lisan dengan kenyataan pendek yang berkait rapat dengan kehidupan mereka sebagai pelajar .

Jadual 1: Tujuh jenis plagiat

Situasi	Jenis	Takrif
1	Parafrasa palsu	Bahan disalin perkataan demi perkataan daripada teks dan sumber yang diakui dalam talian tetapi digambarkan sebagai diolah semula
2	Plagiat lain	Bahan disalin daripada tugas pelajar lain dengan pengetahuan pelajar tersebut
3	Penyalinan perkataan demi perkataan	Menyalin bahan secara perkataan demi perkataan daripada teks tanpa kelulusan dari sumber asal
4	Kitar semula	Tugasan yang sama dikemukakan lebih daripada sekali bagi kursus yang berbeza
5	Penulisan hantu	Tugasan ditulis oleh pihak ketiga dan digambarkan sebagai kerja sendiri.
6	Parafrasa gelap	Bahan diolah semula daripada teks tanpa kelulusan sumber asal
7	Pencurian	Tugasan disalin daripada tugas individu lain atau mananya penulisan lain tanpa pengetahuan individu tersebut.

Sumber : Walker .1998 .Student plagiarism in universities: What are we doing about it?. *Higher Education Research and Development*, 17(1): 89-106.

Bahagian ini mengandungi item mengenai perspektif pelajar tentang plagiat dan disediakan untuk mendapatkan maklumat mengenai perkara berikut:

- a. Kefahaman terhadap tujuh jenis plagiat (sama ada pelajar menganggap setiap situasi tersebut sebagai plagiat)
- b. Persepsi dan pertimbangan yang serius untuk setiap tahap bagi setiap jenis plagiat
- c. Pengalaman peribadi dan kekerapan dalam melakukan plagiat

Untuk subtopik A, para pelajar diberi tiga pilihan sama ada ya, tidak atau tidak pasti.

Untuk subtopik B dan C, kedua-duanya diukur pada skala Likert 5 mata iaitu 1, 2, 3, 4 dan 5 telah ditanda masing-masing sebagai tidak serius , kurang serius, sederhana serius, serius dan sangat serius.

Untuk memastikan tidak berlakunya ketidakadilan dalam jawapan soal selidik, pelajar tidak perlu memasukkan nama, nombor matriks atau apa-apa bentuk pengenalan tentang diri mereka dalam borang soal selidik. Semua soal selidik yang lengkap telah dikumpul dan data telah dianalisis menggunakan Perisian Ramalan Analitik (PASW; v18), yang dahulunya dikenali sebagai perisian SPSS. Analisis statistik deskriptif telah diukur bagi setiap boleh ubah dengan korelasi diukur menggunakan kaedah Korelasi Pearson. Perbezaan adalah dianggap signifikan jika  $p < 0.05$ .

## Responden

Borang soal selidik telah diedarkan dalam kalangan para pelajar sarjana muda yang sedang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, tanpa mengira kaum, agama, umur, tahun pengajian, fakulti dan kursus. Persampelan ini dinamakan persampelan rawak mudah. Seramai 308 orang pelajar di peringkat ijazah pertama telah mengambil bahagian dalam kajian ini ( $n = 308$ ), dengan 82 orang responden ialah pelajar lelaki (26.6%) dan 226 orang responden pelajar perempuan (73.4%). Dapat diperhatikan bahawa kajian ini lebih cenderung terhadap satu jantina, namun keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana lebih ramai jantina perempuan yang telah mendaftar sebagai pelajar semasa di UKM. Usia mereka adalah di antara 19-45 tahun, dengan umur purata 20 tahun.

Pelajar Melayu merupakan responden yang tertinggi dalam kajian ini berbanding dengan kaum-kaum lain iaitu 86.0%, diikuti oleh kumpulan etnik Cina dan lain-lain (Dusun, Siam, Melanau, Orang Asli, Iban, Iranum, Bajau, Kadazan dan Kedaian). Dapat diperhatikan bahawa kaum-kaum lain ini kebanyakannya dari Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Pelajar India pula adalah yang paling kurang direkodkan dengan peratusan kurang dari 5%. Merujuk Jadual 2, pelajar tahun pertama dan kedua mencatatkan bilangan responden yang agak sama namun agak sukar untuk mendapat kerjasama daripada pelajar tahun akhir sepanjang kajian ini dijalankan. Hal ini mungkin disebabkan oleh latihan praktikal atau jadual pengkuliahhan harian mereka yang agak padat.

Dalam kajian ini, kebanyakan pelajar ialah lulusan matrikulasi, iaitu program prauniversiti. Jadual 2 menunjukkan gambaran yang lebih jelas terhadap pencirian demografi, iaitu data yang dikemukakan mengikut kategori dan tahun pengajian mereka.

Jadual 2: Ringkasan pencirian responden

		Pelajar (%)			
		Tahun 1 (n=126)	Tahun 2 (n=92)	Tahun 3 (n=67)	Tahun 4 (n=23)
Jantina	Lelaki	25.4	21.74	25.37	56.52
	Perempuan	74.6	78.26	74.63	43.48
Tahap Kelayakan	STPM	18.25	16.3	19.04	8.7
	Matrikulasi	65.08	60.87	56.72	69.57
Bangsa	Asasi	12.7	20.65	28.36	13.04
	Diploma	3.97	2.17	10.45	8.7
	Melayu	83.3	89.13	86.57	86.96
	Cina	7.94	4.35	5.97	0
	India	3.17	1.09	4.48	0
	Lain-lain	5.56	5.43	2.99	13.04

## KEPUTUSAN

### Kefahaman dan Kesedaran tentang Plagiat

Dapatan kajian bagi aspek ini terbahagi dua iaitu:

a. Pengetahuan tentang plagiat

Dapatan menunjukkan majoriti responden mengetahui maksud plagiat, iaitu 55% daripada responden bagi setiap tahun pengajian memberi jawapan yang positif. Pengetahuan tentang plagiat meningkat dengan bertambahnya tahun pengajian di universiti. Hasil yang sama juga telah diperoleh untuk soalan-soalan seperti "jika kamu pernah mendengar tentang istilah plagiat" dan "adakah kamu tahu bagaimana untuk memetik atau menggunakan maklumat daripada buku-buku atau mana-mana rujukan".

Namun begitu, bagi item yang ketiga iaitu pengetahuan tentang istilah parafrasa menunjukkan dapatan yang seimbang antara setiap tahun pengajian responden iaitu antara 62% sehingga 70%. Istilah parafrasa seolah-olah "terkeluar" daripada pengetahuan responden. Dapatan ini menunjukkan, tidak ada petunjuk yang jelas tentang pengetahuan plagiat antara tahun pengajian. Lebih-lebih lagi, maklum balas yang tidak konsisten dalam kalangan responden.

Pengetahuan tentang cara-cara merujuk maklumat didominasi oleh responden tahun akhir iaitu sebanyak 87%. Hal ini disebabkan pengalaman responden melaksanakan tugas penyelidikan dan projek tahun akhir. Responden tahun pertama pula mempunyai pengalaman yang paling rendah untuk memetik atau menggunakan rujukan dengan betul iaitu sebanyak 69% berbanding dengan responden tahun lain. Situasi ini berlaku kerana mereka lebih didedahkan kepada aspek teknikal daripada kaedah rujukan lebih-lebih lagi semasa menyediakan laporan makmal atau laporan projek.

Kesimpulannya, dapatan kajian secara keseluruhan aspek pengetahuan tentang plagiat dapat dirujuk melalui Jadual 3.

Jadual 3: Pengetahuan tentang plagiat

Item	Maklum-balas	Peratus (%)			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Adakah anda tahu/faham apa yang dimaksudkan dengan plagiat?	Ya	57.94	88.04	94	95.7
	Tidak	28.57	5.43	4.5	4.9
	Tidak Pasti	13.49	6.52	1.5	0
Adakah kamu pernah mendengar perkataan "plagiat"?	Ya	61.9	91.3	95.5	95.7
	Tidak	31.7	6.5	3	4.3
	Tidak Pasti	6.3	2.2	1.5	0
Adakah kamu pernah mendengar	Ya	67.5	65.2	62.7	69.6

perkataan “parafrasa”?	Tidak	21.4	24	16.4	30.4
	Tidak Pasti	11.1	10.9	20.9	0
Adakah kamu tahu bagaimana untuk merujuk maklumat daripada buku/rujukan?	Ya	69	79.3	83.6	87
	Tidak	8.7	5.4	6	0
	Tidak Pasti	22.2	15.2	10.4	13.0

### b. Pengalaman Peribadi

Penemuan kajian daripada pengalaman peribadi responden menunjukkan secara keseluruhan, antara 62% sehingga 70% responden telah menipu atau melakukan plagiat ketika menyediakan tugas. Responden tahun akhir mencatatkan peratus tertinggi bagi tingkah laku plagiat iaitu menyalin tugas daripada rakan-rakan secara disedari (70%) rakan ataupun sebaliknya (30.4%).

Peratusan maklum balas yang diterima, berkaitan item perbezaan antara istilah parafrasa dan plagiat adalah rendah. Dapatkan menunjukkan, responden tahun satu kurang terdedah kepada istilah parafrasa berbanding dengan responden di tahun akhir pengajian. Dapatkan ini memberi maklum balas yang signifikan iaitu walaupun responden telah berada pada tahun akhir pengajian, sebanyak 47.8% masih lagi tiada pengetahuan tentang perbezaan istilah parafrasa dan plagiat.

Kesimpulannya, maklum balas responden berdasarkan pengalaman peribadi melakukan plagiat dapat dirujuk melalui Jadual 4.

Jadual 4: Pengalaman peribadi

Soalan	Maklum Balas	Peratusan (%)			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Adakah kamu pernah menipu semasa melakukan/menghantar tugas?	Ya	62.7	65.2	62.7	70
	Tidak	18.3	13	17.9	17.4
	Tidak Pasti	19	21.7	19.4	13
Adakah kamu pernah meniru tugas rakan DENGAN pengetahuan beliau?	Ya	65.9	71.7	61.2	70
	Tidak	27	6.5	32.8	30.4
	Tidak Pasti	7.1	21.7	6	0
Adakah kamu pernah meniru tugas rakan TANPA pengetahuan beliau?	Ya	15.1	12	13.4	30.4
	Tidak	74.6	79.3	79.1	69.6
	Tidak Pasti	10.3	8.7	7.5	0
Adakah seseorang pernah mengajar kamu tentang perbezaan di antara parafrasa dengan plagiat?	Ya	23.0	34.8	41.8	47.8
	Tidak	64.3	47.8	41.8	43.5
	Tidak Pasti	12.7	17.4	16.4	8.6

## **Persepsi dan Penilaian Terhadap Jenis Plagiat**

Dalam bahagian ini dibincangkan persepsi responden terhadap jenis dan situasi plagiat, serta pandangan tahap keseriusan dan pengalaman peribadi responden dalam melakukan setiap jenis plagiat tersebut.

### **Situasi 1 (Parafrasa Palsu)**

Sebahagian besar responden (iaitu > 50%) tidak menganggap Situasi 1 sebagai plagiat. Terdapat gaya atau kecenderungan responden meningkat dari tahun satu ke tahun akhir yang menyatakan Situasi 1 sebagai plagiat, dengan peratusan tertinggi pada 43.5%. Sebanyak 43.5% responden tahun akhir memberi maklum balas Situasi 1 ialah plagiat dan tidak plagiat. Dapatkan ini menunjukkan responden tahun akhir masih tidak dapat mengenal pasti dengan jelas sama ada parafrasa palsu dikategorikan sebagai plagiat ataupun tidak.

Kebanyakan responden tahun pertama menganggap tahap keseriusan parafrasa palsu sebagai sederhana dan sangat serius. Walau bagaimanapun, responden tahun akhir tidak mencapai kata sepakat dan jawapan yang diberikan terdapat pada setiap peringkat keseriusan, daripada tidak serius kepada sangat serius.

Pengalaman peribadi responden terhadap plagiat Situasi 1 menemukan dapatan iaitu lebih 40% telah melakukan plagiat dalam penulisan akademik di antara dua hingga tiga kali dan peratusan kurang bagi responden yang melakukannya lebih daripada itu. Jika peratusan melakukan parafrasa palsu lebih daripada dua hingga tiga kali dikira bersama, trend peningkatan pelakuan yang progresif adalah jelas, dengan kira-kira 58%, 70%, 77% dan meningkat kepada 88%, masing-masing untuk pelajar tahun pertama, kedua, pelajar tahun ketiga dan akhir.

Kesimpulannya, Jadual 6 menunjukkan keseluruhan maklum balas responden terhadap plagiat Situasi 1.

Jadual 6: Maklum balas responden terhadap plagiat situasi 1 (Parafrasa Palsu)

<b>Soalan</b>	<b>Maklum Balas</b>	<b>Peratus (%)</b>			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Adakah anda mengambil kira ini sebagai plagiat?	Ya	26.2	25	34.3	43.5
	Tidak	44.4	50	43.3	43.5
	Tidak Pasti	29.4	25	22.4	13
Apakah tahap keseriusan bagi perkara ini?	Tidak serius sama sekali	20.6	19.6	14.9	17.4
	Sedikit serius	15.9	14.1	14.9	17.4
	Sederhana serius	40.5	41.3	41.8	17.4
	Serius	16.7	21.8	17.9	21.7
	Sangat serius	7.1	2.2	10.4	26.1

Adakah anda pernah melakukan perkara yang sama?	Tidak Pernah	27	10.9	14.9	4.3
	Hanya Sekali	14.3	12	14.9	13
	2-3 Kali	42.9	45.7	49.3	43.5
	4-7 Kali	9.5	18.5	7.5	21.7
	Lebih daripada 7 Kali	6.3	13	13.4	17.4

### Situasi 2 (Plagiat Lain)

Plagiat Situasi 2 secara amnya dianggap sebagai aktiviti plagiat oleh para responden. Terdapat peningkatan peratusan dalam kalangan responden daripada tahun pertama kepada tahun akhir iaitu daripada 54% kepada 82.6%. Kesedaran plagiat Situasi 2 pada peratus yang tinggi dalam kalangan responden tahun akhir.

Tahap keseriusan responden kebanyakannya terdapat pada tahap sederhana serius dan serius. Maklum balas yang diterima daripada responden tahun pertama berubah pada setiap tahap daripada tidak serius kepada sangat serius, tetapi responden di tahun akhir tertumpu kepada tahap serius yang lebih tinggi.

Pengalaman peribadi responden menunjukkan antara 33% hingga 35% responden (dari setiap tahun pengajian) telah melakukan plagiat Situasi 2 sebanyak dua hingga tiga kali. Sebilangan kecil responden, dikategorikan dalam kumpulan yang melakukan plagiat lebih daripada tiga kali . Dapatkan yang signifikan ialah majoriti iaitu 56.5% daripada responden tahun akhir tidak pernah melakukan plagiat Situasi 2. Hal ini sinonim dengan responden tahun pertama, kedua dan ketiga kerana peratusan yang tidak pernah melakukan plagiat Situasi 2 didapati tinggi juga.

Kesimpulannya Jadual 7 menunjukkan keseluruhan maklum balas responden terhadap Plagiat Situasi 2.

Jadual 7: Maklum balas responden terhadap plagiat situasi 2 (Plagiat Lain)

<b>Soalan</b>	<b>Maklum Balas</b>	<b>Peratus (%)</b>			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Adakah anda mengambil kira ini sebagai plagiat?	Ya	54	63	74.6	82.6
	Tidak	18.3	22.8	13.4	0
	Tidak Pasti	27.8	14.1	12	17.4
	Tidak serius sama sekali	11.11	8.7	9	0
	Sedikit serius	16.7	13	10.4	13
	Sederhana serius	35.7	23.9	28.4	13
Apakah tahap keseriusan bagi perkara ini?	Serius	25.4	31.5	34.3	47.8
	Sangat serius	11.11	22.8	18	26.1
	Tidak Pernah	31.7	39.1	29.6	56.5
	Hanya Sekali	19	17.4	19.4	4.3
	2-3 Kali	34.9	33.7	31.3	34.8
Adakah anda pernah melakukan perkara yang sama?	4-7 Kali	6.3	4.3	4.5	0
	Lebih daripada 7 Kali	7.9	5.4	14.9	4.3

### Situasi 3 ( Penyalinan Perkataan demi Perkataan)

Persepsi responden terhadap plagiat Situasi 3 didapati meningkat daripada responden tahun pertama hingga tahun akhir. Persepsi pengetahuan responden terhadap plagiat Situasi 3 pada tahun pertama sebanyak 51.6%, meningkat kepada 73.9% pada tahun kedua, seterusnya 76% pada tahun ketiga dan 91.3% pada tahun akhir. Peningkatan peratus ini menandakan kesedaran persepsi responden semakin meningkat apabila berada pada tahun akhir pengajian.

Walaupun majoriti responden mengetahui bahawa plagiat Situasi 3 ini suatu kesalahan akademik, tahap keseriusan didapati tertumpu pada tahap antara sederhana serius ke sangat serius. Peratusan responden merangkumi semua tahun pengajian teragih seragam di antara 20-35% dalam setiap kategori bagi tahap keseriusan yang tinggi iaitu sederhana serius, serius dan sangat serius.

Amat menarik juga apabila didapati responden tahun satu hingga tahun tiga pernah melakukan plagiat Situasi 3 ini bagi setiap tahap kekerapan iaitu sehingga lebih dari tujuh kali manakala pelajar tahun empat hanya sehingga dua hingga tiga kali kekerapan. Walau bagaimanapun, harus ditekankan bahawa penyalinan perkataan-demi-perkataan telah menjadi perkara normal dalam penulisan akademik responden walaupun mereka tahu perkara ini suatu kesalahan.

Kesimpulannya Jadual 8 menunjukkan keseluruhan maklum balas responden terhadap Plagiat Situasi 3.

**Jadual 8: Maklum balas responden terhadap plagiat situasi 3  
(penyalinan perkataan demi perkataan)**

<b>Soalan</b>	<b>Maklum Balas</b>	<b>Peratusan (%)</b>			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Adakah anda mengambil kira ini sebagai plagiat?	Ya	51.6	73.9	76	91.3
	Tidak	16.7	15.2	12	0
	Tidak pasti	31.7	10.9	12	8.7
	Tidak serius sama sekali	7.9	4.3	9	0
Apakah tahap keseriusan bagi perkara ini?	Sedikit serius	20.6	8.7	10.4	8.7
	Sederhana serius	27.8	23.9	20.9	21.7
	Serius	21.4	34.8	25.4	39.1
	Sangat serius	23	28.3	34.3	30.4
	Tidak pernah	39.7	37	34.3	47.8
Adakah anda pernah melakukan perkara yang sama?	Hanya sekali	21.4	20.7	18	17.4
	2-3 kali	29.4	31.5	26.9	34.8
	4-7 kali	3.9	7.6	13.4	0
	Lebih daripada 7 kali	5.6	3.3	7.5	0

### **Situasi 4 (Kitar Semula)**

Plagiat Situasi 4, secara hipotesisnya tidak dianggap sebagai plagiat dan terbukti apabila majoriti responden tahun dua, tahun tiga dan tahun empat memberi jawapan situasi ini bukanlah plagiat. Berbeza dengan jawapan responden tahun satu terbahagi antara ya, tidak dan tidak pasti. Kekeliruan berkemungkinan untuk berlaku kerana responden tahun pertama baru sahaja didedahkan dengan kehidupan di kampus. Kebanyakan responden memberikan jawapan tidak pasti sama ada situasi ini suatu plagiat atau tidak dengan peratusan jawapan di antara 14.9% dan 34.9%.

Data menunjukkan responden terbahagi dalam penentuan tahap keseriusan dengan tiada pecahan yang signifikan dalam spektrum kekerapan. Walau bagaimanapun, dapat dikatakan majoriti responden percaya bahawa kitar semula mempunyai tahap keseriusan yang rendah dengan 70% memberi jawapan tidak serius sama sekali hingga sederhana serius.

Memandangkan responden tidak menganggap bahawa aktiviti kitar semula ialah plagiat, maka kekerapan berlakunya adalah tinggi. Walau bagaimanapun, keputusan menunjukkan responden tidak biasa mengitar semula tugas dengan majoritinya menjawab tidak pernah dan kurang dari tiga kali. Hal ini menunjukkan bahawa tugas yang diberikan adalah tidak sama antara satu sama lain dan kitar semula tugas tidak diperlukan.

Kesimpulannya Jadual 9 menunjukkan keseluruhan maklum balas responden terhadap Plagiat Situasi 4.

Jadual 9: Maklum balas responden terhadap plagiat situasi 4 (Kitar Semula)

<b>Soalan</b>	<b>Maklum balas</b>	<b>Peratusan (%)</b>			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Adakah anda mengambil kira ini sebagai plagiat?	Ya	32.54	13	23.9	13
	Tidak	32.54	64.1	61.2	56.5
	Tidak pasti	34.9	22.8	14.9	30.4
	Tidak serius sama sekali	19	23.9	25.4	21.7
Apakah tahap keseriusan bagi perkara ini?	Sedikit serius	16.7	23.9	26.9	30.4
	Sederhana serius	32.5	32.6	26.9	34.8
	Serius	20.6	14.1	9	8.7
	Sangat serius	11.11	5.4	12	4.3
Adakah anda pernah melakukan perkara yang sama?	Tidak pernah	57.9	50	34.3	39.1
	Hanya sekali	14.3	18.5	17.9	21.7
	2-3 kali	23	26.1	37.3	26.1
	4-7 kali	4	4.3	7.5	4.3
	Lebih dari 7 kali	0.8	1.1	3	8.7

### **Situasi 5 (Penulisan Hantu)**

Responden tahun satu sekali lagi tidak pasti sama ada aktiviti ini ialah plagiat atau bukan plagiat, manakala responden tahun akhir bersetuju bahawa aktiviti ini bukan plagiat. Majoriti responden tahun dua juga menganggap aktiviti ini bukan plagiat dan kebanyakan responden tahun tiga pula berpendapat bahawa Situasi 5 ialah plagiat.

Dapatkan menunjukkan responden bagi setiap tahun pengajian gagal untuk mencapai persetujuan terhadap tahap keseriusan bagi penulisan hantu. Kemungkinan responden tidak melihat aktiviti ini sebagai suatu plagiat memandangkan plagiat Situasi 5 tidak disalin daripada mana-mana sumber dan tugas yang dilakukan asli. Walau bagaimanapun, responden menjawab aktiviti ini pada tahap keseriusan tinggi iaitu di antara sederhana serius hingga sangat serius. Berdasarkan kepada data tersebut, responden berpendapat bahawa aktiviti ini bukan plagiat tetapi mereka juga mengaku bahawa aktiviti ini ialah kegiatan yang licik kerana tugas yang dihasilkan bukan hasil kerja sendiri.

Bagi dapatan pengalaman peribadi responden terhadap plagiat Situasi 5 ini menunjukkan 78% mengaku tidak pernah melakukan aktiviti ini. Hanya sebilangan kecil sahaja yang terlibat dengan peratusan sebanyak 20%. Hal ini kerana, penulisan hantu memerlukan kedudukan kewangan yang stabil dan responden belum lagi mempunyai pendapatan yang tetap. Namun begitu, masih ada juga responden yang bebas melakukan aktiviti yang tidak jujur ini lebih daripada tiga kali. Adalah penting untuk memaklumkan kepada pensyarah tentang kewujudan perlakuan ini dan memberitahu pihak pengurusan tertinggi supaya tidak berlembut apabila berhadapan dengan plagiat Situasi 5 ini.

Kesimpulannya Jadual 10 menunjukkan keseluruhan maklum balas responden terhadap Plagiat Situasi 5.

Jadual 10: Maklum balas responden terhadap plagiat situasi 5 (Penulisan Hantu)

<b>Soalan</b>	<b>Maklumbalas</b>	<b>Peratusan (%)</b>			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Adakah anda mengambil kira ini sebagai plagiat?	Ya	39.7	30.4	44.8	8.7
	Tidak	29.4	45.7	35.8	60.9
	Tidak pasti	30.9	23.9	19.4	30.4
	Tidak serius sama sekali	0.7	10.9	10.4	17.4
Apakah tahap keseriusan bagi perkara ini?	Sedikit serius	11.9	20.7	16.4	17.4
	Sederhana serius	24.6	29.3	26.9	21.7
	Serius	31.7	22.8	20.9	17.4
	Sangat serius	24.6	15.2	25.4	26.1
Adakah anda pernah melakukan perkara yang	Tidak pernah	81	78.3	79.1	78.3
	Hanya sekali	4	3.3	8.9	0
	2-3 kali	13.5	17.4	11.9	13

sama?	4-7 kali	0.8	0	0	4.3
	Lebih dari 7 kali	0.8	1.1	0	4.3

### Situasi 6 (Parafrasa Gelap)

Persepsi responden tahun satu dan dua sinonim kerana tidak dapat memberi jawapan yang pasti sama ada aktiviti ini plagiat atau tidak. Namun, trend yang berbeza dilihat bagi responden tahun tiga yang menganggap aktiviti ini sebagai plagiat manakala majoriti responden tahun akhir memberikan jawapan bukan plagiat. Jawapan yang tidak konsisten antara responden tahun tiga dan tahun empat menimbulkan implikasi bahawa walaupun sudah berada pada tahun akhir pengajian persepsi responden masih tidak tepat tentang plagiat.

Anggaran suku daripada responden tahun satu, dua dan tiga berpendapat plagiat Situasi 6 adalah sederhana serius manakala responden tahun akhir beranggapan tidak serius dan tidak perlu dirisaukan. Terdapat percanggahan persepsi antara responden tahun empat dengan responden lebih muda dipercayai disebabkan oleh pendedahan konsep parafrasa dan tatacara parafrasa yang betul bagi responden tahun empat. Mereka diberi penekanan cara pemetikan rujukan dan mungkin menganggap parafrasa gelap ini tidak patut termasuk sebagai aktiviti plagiat.

Pengalaman peribadi responden bagi plagiat Situasi 6 ini mendapati antara 26.1% hingga 27.8% yang tidak pernah melakukan parafrasa gelap, bagi semua responden setiap tahun pengajian. Kekerapan antara 2 hingga 3 kali mendapat peratusan yang tinggi bagi responden setiap tahun pengajian. Responden berkemungkinan berpendapat aktiviti ini bukan menyalin semula dan mereka telah berusaha untuk mengubah suai semula daripada versi asal dan mengakui sumber maklumat yang diperoleh.

Kesimpulannya Jadual 11 menunjukkan keseluruhan maklum balas responden terhadap Plagiat Situasi 6.

Jadual 11: Maklum balas responden terhadap plagiat situasi 6 (Parafrasa Gelap)

Soalan	Maklum Balas	Peratusan (%)			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Adakah anda mengambil kira ini sebagai plagiat?	Ya	27	35.8	50.7	30.4
	Tidak	31	37	28.4	52.2
	Tidak pasti	42	27.2	20.9	17.4
Apakah tahap keseriusan bagi perkara ini?	Tidak serius sama sekali	16.7	19.6	13.4	39.1
	Sedikit serius	23.8	19.6	22.4	17.4
	Sederhana serius	38.1	39.1	34.3	13
	Serius	15.9	12	22.4	13

	Sangat serius	5.6	9.8	7.5	17.4
	Tidak pernah	27.8	26.1	26.9	26.1
Adakah anda pernah melakukan perkara yang sama?	Hanya sekali	13.5	21.8	20.9	8.7
	2-3 kali	39.7	33.7	28.4	26.1
	4-7 kali	11.9	8.7	8.9	17.4
	Lebih dari 7 kali	7.1	9.8	14.9	21.7

### Situasi 7 (Pencurian)

Plagiat jenis ini ialah tingkah laku yang tidak bertanggungjawab dan juga dikategorikan sebagai menipu dan mencuri. Majoriti responden (iaitu lebih dari 75%) bersetuju bahawa aktiviti ini ialah plagiat. Namun, terdapat pecahan yang jelas (iaitu di antara 13-19%) yang menunjukkan bahawa responden tidak pasti bahawa aktiviti ini suatu plagiat.

Kebanyakan responden mempunyai persepsi bahawa situasi ini ialah suatu kesalahan yang serius dan tidak boleh dilakukan. Amat mengecewakan apabila terdapat sebilangan responden tahun awal pengajian yang berpendapat bahawa situasi ini bukan kesalahan yang serius sedangkan plagiat Situasi 7 ialah kesalahan yang berat. Hal ini dapat ditunjukkan daripada data soal selidik yang mendapati responden melakukan aktiviti ini lebih daripada dua kali. Apabila responden berterusan melakukan aktiviti ini lebih daripada satu kali menunjukkan responden dalam situasi yang serius dan perlu diberi pendidikan berkenaan kegiatan yang dicegah dalam penulisan akademik mereka.

Peratusan responden yang tidak bertanggungjawab ini membayangi majoriti pelajar (iaitu di antara 74% - 83%) yang tidak pernah melakukan aktiviti pencurian dalam penulisan akademik. Perlu ditekankan bahawa terdapat corak penurunan yang progresif bagi responden yang tidak pernah melakukan aktiviti ini daripada peratusan yang tertinggi dari tahun satu kepada peratusan terendah bagi responden tahun empat.

Kesimpulannya Jadual 12 menunjukkan keseluruhan maklum balas responden terhadap Plagiat Situasi 7.

Jadual 12: Maklum balas responden terhadap plagiat situasi 7 (Pencurian)

Soalan	Maklum balas	Peratusan (%)			
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4
Adakah anda merasakan situasi ini sebagai plagiat?	Ya	74.6	76.1	79.1	82.61
	Tidak	6.3	9.8	7.5	0
	Tidak pasti	19	14.1	13.4	17.4
	Tidak serius sama sekali	2.4	5.4	0	0
Serius manakah anda merasakan situasi ini?	Sedikit serius	5.6	8.7	10.4	0
	Sederhana serius	12.7	12	13.4	13
	Serius	15.1	25	14.9	8.7
	Sangat serius	64.3	48.9	61.2	78.3
	Tidak pernah	83.3	75	74.6	73.9

Adakah anda pernah melakukan perkara seperti situasi ini?	Hanya sekali	5.6	6.5	13.4	8.7
	2-3 kali	8.7	17.4	10.4	8.7
	4-7 kali	2.4	1.1	0	8.7
	Lebih dari 7 kali	0	0	1.5	0

### Gambaran umum jenis plagiat

Jawapan daripada setiap tahun pengajian digabungkan dan dipuratakan untuk mengenal pasti gambaran umum responden terhadap jenis plagiat seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 13. Tiga jenis plagiat mendapat peratusan yang tinggi lebih daripada 63% dan dikategorikan sebagai plagiat iaitu pencurian, penyalinan perkataan demi perkataan dan plagiat lain. Empat lagi plagiat dalam kajian ini iaitu kitar semula, parafrasa palsu, penulisan hantu dan parafrasa palsu mendapat kurang daripada 50% dan dikira sebagai bukan plagiat. Untuk jenis kitar semula pula, sesetengah responden menganggap bahawa aktiviti ini bukanlah plagiat dan tidak menjadi satu kesalahan akademik.

Jadual 13: Pemahaman responden terhadap jenis plagiat

<b>Situasi</b>	<b>Jawapan (%)</b>		
	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak Pasti</b>
1. Parafrasa palsu	28.9	45.8	25.3
2. Plagiat Lain	63.3	17.2	19.5
3. Penyalinan verbatim	66.6	14.0	19.5
4. Kitar semula	23.4	50.0	26.6
5. Penulisan hantu	35.7	38.0	26.3
6. Parafrasa gelap	35.1	33.8	31.2
7. Pencurian	76.6	7.1	16.2

### Persepsi dan Penilaian terhadap Tahap Keseriusan Jenis Plagiat

Majoriti responden menganggap pencurian adalah sangat serius dengan peratusan responden 60%. Walau bagaimanapun bagi jenis plagiat yang lain, tiada persetujuan majoriti berdasarkan lima skala keseriusan yang disediakan. Taburan jawapan yang berselerak menunjukkan bahawa responden tidak berapa jelas tentang tahap keseriusan untuk enam lagi jenis plagiat. Analisis tahap keseriusan semua jenis plagiat dapat dilihat dalam Jadual 14.

Jadual 14: Persepsi responden terhadap tahap keseriusan plagiat

<b>Situasi</b>	<b>Maklum balas (%)</b>				
	<b>Tidak serius sama sekali</b>	<b>Sedikit serius</b>	<b>Sederhana serius</b>	<b>Serius</b>	<b>Sangat serius</b>
1. Parafrasa palsu	18.5	15.6	39.3	18.8	7.8
2. Plagiat Lain	9.1	14.0	28.9	30.8	17.2

3. Penyalinan perkataan demi perkataan	6.5	13.6	24.7	27.6	27.6
4. Kitar semula	22.1	22.1	31.5	15.3	9.1
5. Penulisan hantu	9.7	15.9	26.3	26.0	22.1
6. Parafrasa gelap	18.5	21.8	35.7	15.9	8.1
7. Pencurian	2.6	7.1	12.7	17.5	60.1

Skor purata untuk setiap plagiat dikira mengikut skala tahap keseriusan iaitu skala 1 menunjukkan tidak serius sama sekali sehingga skala 5 iaitu sangat serius. Data menunjukkan bahawa hanya aktiviti pencurian mendapat markah lebih dari 4 dan dikira sebagai kesalahan yang paling serius. Penyalinan perkataan demi perkataan, penyalinan hantu dan plagiat lain masing-masing jatuh di bawah sederhana serius dengan skor 3.56, 3.35 dan 3.33. Tiga kes plagiat iaitu parafrasa gelap, parafrasa palsu dan kitar semula masing-masing mendapat markah rendah daripada tiga dan dikira sebagai kesalahan yang kurang serius seperti yang ditunjukkan dengan markah 2.82, 2.73 dan 2.67.

Aktiviti plagiat yang jelas dan dirancang seperti meniru dilihat sebagai serius manakala aktiviti dengan usaha dan percubaan sendiri dilihat sebagai kurang serius. Dengan memasukkan penghargaan kepada penulis sebenar (iaitu parafrasa buatan dan gelap) tidak semestinya dikira sebagai ubah suai daripada teks asli dan dikira sebagai kerja sendiri. Kitar semula mendapat markah terendah kerana dikira sebagai kerja responden dan dikategorikan sebagai *Machiavellian*.

Jadual 15: Kedudukan dan min skor tahap keseriusan jenis-jenis plagiat

Kedudukan	Jenis plagiat	Responden (Min skor)
1	Pencurian	4.25
2	Penyalinan perkataan-demi-perkataan	3.56
3	Penulisan hantu	3.35
4	Plagiat Lain	3.33
5	Parafrasa palsu	2.82
6	Parafrasa gelap	2.73
7	Kitar semula	2.67

### Pengalaman sendiri dan kekerapan melakukan plagiat

Jadual 16 menunjukkan kegiatan dan kekerapan responden dalam melakukan tujuh jenis plagiat. Peratusan yang tinggi iaitu seramai 79% responden tidak pernah melakukan pencurian dan penulisan hantu. Penulisan hantu bukanlah satu kegiatan yang biasa dan disebabkan oleh kekurangan sumber kewangan. Jenis plagiat pencurian tidak seharusnya dipraktikkan kerana aktiviti ini tidak jujur dan tidak beretika.

Responden kebiasaananya melakukan kedua-dua jenis parafrasa dalam tugas akademik. Dapatan menunjukkan peratusan terendah dalam kategori tidak pernah, dan lebih daripada 10% responden melakukan lebih daripada tujuh kali. Secara umumnya, setiap jenis plagiat terdapat sekurang-kurangnya satu kesalahan dilakukan. Jadual 16 menunjukkan kekerapan responden melakukan aktiviti plagiat sama ada pernah melakukan plagiat sekurang-kurangnya sekali atau dua hingga tiga kali.

Jadual 16: Pengalaman dan kekerapan responden melakukan plagiat

<b>Situasi</b>	<b>Maklum balas (%)</b>			<b>Lebih dari 7 kali</b>
	<b>Tidak pernah</b>	<b>Hanya sekali</b>	<b>2-3 kali</b>	
1. Parafrasa palsu	17.9	13.6	45.1	12.7
2. Plagiat Lain	35.4	17.5	33.8	4.9
3. Penyalinan perkataan-demi-perkataan	38.3	20.1	29.9	6.8
4. Kitar semula	49.0	16.9	27.3	4.9
5. Penulisan hantu	79.5	4.5	14.3	0.6
6. Parafrasa gelap	26.9	17.2	34.4	10.7
7. Pencurian	78.2	7.8	11.7	1.9

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, responden mempunyai kesedaran tinggi mengenai plagiat, termasuklah responden tahun pertama dengan maklum balas positif setinggi 58%. Perkataan dan perbuatan plagiat menjadi lebih arif dan biasa kepada pelajar apabila lebih banyak masa telah dihabiskan di universiti. Kesedaran plagiat meningkat secara berterusan mengikut masa keberadaan di fakulti atau di pengajian tinggi. Perbezaan antara amalan didaktik dan budaya menyumbangkan kepada perbahasan mengenai kesedaran plagiat dan pelbagai aktiviti yang boleh dikategorikan sebagai plagiat.

Penilaian pendidikan di Malaysia memberi penekanan berat kepada peperiksaan bertulis berskala nasional dan dinilai secara tegar berdasarkan skema jawapan. Kebanyakan pelajar, terutamanya di peringkat sekolah menengah telah terbiasa dengan kaedah suap (“spoon-feed”) untuk memastikan jawapan tepat sentiasa diberi, dan ini secara langsung melahirkan pelajar yang tidak berdikari dan manja. Gaya “atas-bawah” (“top-down”) pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh guru-guru di Malaysia dan pelajar sekolah rendah dan menengah untuk mengalami strategi pembelajaran “declick”, sehingga mencapai kesedaran dalam erti kata sebenar dan memisahkan diri daripada pengajian jenis suap (Mohnan 2000; Abu Samat et al. 2009).

Walaupun majoriti responden sedar akan makna plagiat, namun mereka masih melakukan plagiat, sekurang-kurangnya bagi jenis plagiat yang dibincangkan di dalam kertas kerja ini. Kebanyakan responden telah melakukan plagiat sekurang-kurangnya

sekali untuk kes plagiat lain. Majoriti plagiat yang dilakukan oleh responden ialah jenis plagiat yang biasa diamalkan. Bagi responden, plagiat aktiviti penyalinan yang diberitahu dan diminta kebenaran dilihat sebagai boleh diterima dan bukan satu kesalahan akademik. Faktor-faktor seperti tarikh akhir yang kian hampir, pengurusan masa yang tidak efisien dan terlalu banyak kerja dapat menyumbang kepada kecenderungan untuk melakukan plagiat (Pupovac et. al. 2008).

Data menunjukkan bahawa responden tahun pertama, walaupun mereka mengaku mereka sedar tentang plagiat, namun, responden masih tidak dapat mengenal pasti jenis-jenis plagiat kecuali jenis tersurat seperti penyalinan verbatim dan mencuri. Dapatkan sama juga diperoleh oleh Yeo (2007) apabila pelajar kejuruteraan tahun pertama di sebuah daripada universiti di Australia disoal mengenai jenis-jenis plagiat. Kecenderungan untuk mengetahui cara-cara betul untuk membuat rujukan meningkat daripada responden tahun pertama hingga akhir menepati jangkaan kerana responden tahun akhir sedang menjalani projek atau penyelidikan tahun akhir. Kebiasaan untuk projek penyelidikan, responden diberi pendedahan khusus tatacara untuk membuat dan menulis rujukan oleh penyelaras. Walaupun demikian, responden tahun pertama melakukan plagiat lebih daripada responden senior, dan dapatan ini bersamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Hrabak (2004).

Empat kes telah dikenal pasti sebagai plagiat iaitu mencuri, penyalinan perkataan demi perkataan, penulisan hantu dan plagiat lain. Jenis plagiat ini jelas tidak memerlukan sebarang usaha daripada responden untuk menganalisis maklumat dan pernyataan disalin langsung daripada sumber. Berbeza dengan apabila usaha dilakukan oleh responden seperti contoh menulis semula atau menyusun kembali struktur ayat tidak dianggap sebagai plagiat. Oleh itu, jenis parafrasa mendapat skor rendah dan diterima. Suatu kajian dijalankan oleh Foltynek (2014) mendapati bahawa responden tidak menganggap hasil kerja mereka plagiat sekira sekurang-kurangnya 40% dari tugasannya (yang disalin) sudah berubah iaitu telah diparafrasakan. Menggunakan ayat atau perkataan yang digunakan oleh bijak pandai menunjukkan bahawa idea tersebut adalah baik. Hal ini ialah amalan biasa dalam kalangan pelajar Asia, dengan meminjam kata-kata dan idea dikira sebagai satu tanda hormat dan menggunakan kata-kata yang digunakan oleh ahli yang lebih bijaksana (Buranen dan Roy 1991; Sowden 2005; Liu 2005; Rinnert dan Kobayashi 2005).

Responden menyedari dan mengenal pasti garis pemisah antara kelakuan yang tidak boleh diterima iaitu penyalinan yang tidak diberitahu atau mencuri ialah kesalahan yang sangat serius. Menipu dan menyalin tanpa kebenaran ialah satu aktiviti tidak bermoral dan tidak patut dilakukan oleh pelajar prasiswazah. Kajian Maxwell (2009) mendapati pelajar di Australia juga meletakkan pencurian sebagai jenis plagiat yang paling serius dan kitar semula adalah yang paling tidak serius. Jenis mencuri secara konsisten dilabelkan dengan aras serius yang tinggi, Curtis dan Popal (2011) juga mendapati bahawa responden sentiasa melihat mencuri sebagai satu bentuk penipuan yang serius. Kerja mereka mendapati responden meletakkan kedudukan aktiviti plagiat paling

serius ialah mencuri > plagiat lain > penulisan hantu > penyalinan verbatim > parafrasa gelap > parafrasa palsu > kitar semula. Dapat dilihat disini bahawa jenis plagiat parafrasa dan kitar semula sentiasa menerima skor rendah dan responden merasakan jenis ini tidak termasuk sebagai plagiat. Marshall dan Gary (2005) juga mengenal pasti kitar semula sebagai tidak plagiat, apabila majoriti responden iaitu 70% memberi maklum balas sebaliknya. Responden menilai kitar semula sebagai bukan kes plagiat kerana beranggapan bahawa tugas itu masih milik mereka, diusahakan dan adil untuk dihantar sebagai kerja mereka.

Oleh sebab kebanyakan sumber rujukan dan informasi adalah dalam Bahasa Inggeris, sama ada buku teks atau atas talian, responden beranggapan parafrasa sebagai boleh terima. Untuk menulis keseluruhan perenggan, mahupun ayat terutamanya jika tugas tersebut diminta untuk ditulis di dalam Bahasa Inggeris mungkin sangat sukar. Berdasarkan ini, responden beranggapan parafrasa, sama ada palsu atau gelap adalah tidak plagiat. Responden selalunya keliru ke tahap mana teks asal perlu atau patut diubah (Roig, 1997). Tatacara benar untuk memfrasa teks perlu diberitahu dan diajar kepada responden supaya mereka dapat membezakan antara plagiat dengan parafrasa teks dengan betul.

Dalam kajian ini, responden didapati keliru untuk memberi penilaian terhadap tahap keseriusan jenis plagiat, kerana maklum balas yang sekata bagi lima penanda di dalam kaji selidik, kecuali plagiat jenis mencuri. Maklum balas berlainan ini mungkin kerana pelajar kurang maklumat mengenai jenis-jenis plagiat, keliru dan tidak pernah terfikir bahawa aktiviti-aktiviti akademik sedemikian ialah plagiat.

## KESIMPULAN

Responden secara amnya walaupun mempunyai kesedaran tinggi mengenai plagiat, namun mereka masih dan kerap melakukan beberapa jenis plagiat. Responden tahun akhir didapati mempunyai kesedaran paling tinggi berbanding dengan responden tahun awal. Walau bagaimanapun, kedua-dua tahap responden ini melakukan plagiat yang paling kerap.

Plagiat lain ialah sejenis plagiat yang normal dan biasa dilakukan oleh responden. Responden memberi penilaian bahawa pencurian adalah jenis plagiat yang sangat serius dan mempunyai dapatan kekerapan melakukannya yang rendah. Responden tahun akhir dapat membuat perbandingan jelas tahap keseriusan bagi jenis-jenis plagiat manakala responden tahun satu keliru bagi kesemua jenis plagiat kecuali pencurian. Bagi tugas yang telah diperuntukkan masa seperti untuk mengubah perkataan, parafrasa ayat dilihat sebagai tidak plagiat dan dikatakan sebagai hak milik pelajar.

Kekeliruan responden terhadap jenis plagiat ini dapat dirungkaikan dengan pendedahan yang lebih serius dan mendalam mengenai tatacara dan langkah-langkah menghindari

dari plagiat. Selain itu, terutamanya bagi pelajar yang telah melakukan kesalahan lebih dari sekali, jika disabit kesalahan, tindakan tegas perlu diambil oleh pihak universiti bagi membendung gejala plagiat menular daripada merebak dengan lebih parah.

## Rujukan

- Ali, W.Z.W., Ismail, H., & Cheat, T.T. 2012. Plagiarism: to what extent it is understood?. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 59: 604-611.
- Ameen, E., Guffey, D. & McMillan, J. 1996. Gender differences in determining the ethical sensitivity of future accounting professionals, *Journal of Business Ethics* 15(5): 591-597.
- Ashworth, P., Freewood, M. & Macdonald, R. 2003. The student lifeworld and the meaning of plagiarism. *Journal of Phenomenological Psychology* 34(2): 257-278.
- Carroll, J. 2008. Assessment issues for international students and for teachers of international students. Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Network: Enhancing Series: Internationalisation, The Higher Education Academy.
- Chiesl, N. 2007. Pragmatic methods to reduce dishonesty in web-based courses. *The Quarterly Review of Distance Education*, 8(3): 203-211.
- Curtis, G.J., & Popal, R. 2011. An examination of factors related to plagiarism and a five-year follow-up of plagiarism at an Australian university. *International Journal of Educational Integrity*, 7(1): 30-42.
- Davis, F.S., Grover, C.A. Becker, A.H. & McGregor, L.N. 1992. Academic dishonesty: prevalence, determinants, techniques and punishments. *Teaching of Psychology* 19(1): 16-20.
- Deckert, G. D. 1993. Perspectives on plagiarism from ESL students in Hong Kong. *Journal of Second Language Writing* 2(2): 131-148.
- Foltynek, T., & Cech, F. 2012. Attitude to plagiarism in different European countries. *Acta Universitatis Agriculturae et Silviculturae Mendelianae Brunensis*, 60(7): 71–80.
- Foltynek, T., Rybicka, J. & Demoliou, C. 2014. Do students think what teachers think about plagiarism?. *International Journal of Educational Integrity*, 10(1): 21-30.
- Hale, J.L. 1987. Plagiarism in the classroom. *Communication Research Report* 4: 66-70.
- Hrabak, M., Vujaklija, A., Vodopivec, I. 2004. Academic misconduct among medical students in a post-communist country. *Medical education*, 38(3): 276-285.

Introna, L., Hayes, N., Blair, L., & Wood, E. 2003. *Cultural attitudes towards plagiarism: Developing a better understanding of the needs of students from diverse cultural backgrounds relating to issues of plagiarism*. Lancaster University. Retrieved October 14, 2014, from <http://www.jiscpas.ac.uk/images/bin/lancsplagiarismreport.pdf>

Jensen, L. A., Arnett, J. J., Feldman, S. & Cauffman, E. 2002. It's wrong, but everybody does it: Academic dishonesty among high school and college students. *Contemporary Educational Psychology* 27(2): 209–228.

Llyod, J. 2000. Plagiarism: Prevention is better than cure. *Educational Technology Conference Paper*, Cardiff University, Cardiff.

Malcolm, S., Ghazali, N. & Minhad, S.F.N. 2007. Attitudes towards plagiarism among undergraduate accounting students: Malaysian evidence. *Asian Review of Accounting* 15(2): 122-146.21.

Marshall, S.J. and Garry, M. (2005). How well do students really understand plagiarism? *ASCLITE* 2005 conference, Brisbane, Australia, 457-467.

Maxwell, A., Curtis, G.J. & Vandanega, L. 2008. Does culture influence understanding and perceived seriousness of plagiarism?. *International Journal for Educational Integrity* 4(2): 25-40.

McCabe, D. L. & Trevino, L. K. 1993. Academic dishonesty: Honor codes and other contextual influences. *Journal of Higher Education* 64 (5): 522-538.

Norris, R. W. 2007. Dealing with plagiarism at a Japanese university: a foreign teacher's perspective. *The East Asian Learner*. 3(1).

Palmquist, M. 2003. *The Bedford Research*. Colorado: Bedford St. Martin's. 173-174

Pupovac, V., Bilic-Zulle, L. & Petrovecki, M. 2008. On academic plagiarism in Europe: An analytic approach based on four studies. In R.Comas, J. Sureda (coords.) Academic cyberplagiarism. Digithum, No. 10. UOC.

Roig, M. 1997. Can undergraduate students determine whether text has been plagiarized?. *The Psychological Record*, 47: 113-122.

Rosman, A.S., Hassan, A.M., Suratman, A.S., Ripin, M.N. & Marni, N. 2008. Persepsi pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terhadap plagiarisme. *Jurnal Teknologi*, 48(E), 1-14.

Rinnert, C. & Kobayashi, H. 2005. Borrowing words and ideas: Insights from Japanese L1 writers. *Journal of Asian Pacific Communications* 15(1): 15-29.

- Risquez, A., O'Dwyer, M. & Ledwith, A. 2013. "Thou shalt not plagiarise": From selfreported views to recognition and avoidance of plagiarism. *Assessment & Evaluation in Higher Education* 38(1): 34–43.
- Stappenbelt, B., Rowles, C. & May, E. 2009. Cultural influence on attitudes to plagiarism. In teaching and learning for global graduates. *Proceedings of the 18th Annual Teaching Learning Forum*, Perth: Curtin University of Technology.
- Sterngold, A. 2004. Confronting Plagiarism; How Conventional Teaching Invites Cyber-Cheating. *Change* 36(3): 16-21.
- Sutherland-Smith, W. 2005. Pandora's box: academic perceptions of student plagiarism in writing. *Journal of English for Academic Purposes* 4(1): 83-95.
- Sutherland-Smith. W. 2008. *Plagiarism, the internet, and student learning: Improving academic integrity*. New York: Taylor and Francis.
- Walker, J. 1998. Student plagiarism in universities: What are we doing about it?. *Higher Education Research and Development*, 17(1): 89-106.
- Ward, J.A. 1998. University students' views regarding academic dishonesty in two disciplines. PhD theses. University of Miami.
- White, E.M. 1993. Too many campuses want to sweep student plagiarism under the rug. *The Chronicle of Higher Education*, 39(25): A44.
- Wilhoit, S. 1994. Helping students avoid plagiarism. *College Teaching*, 42(4): 161-164.
- Xueqin, J. (2002). Chinese academics consider a 'culture of copying'. *The Chronicle of Higher Education*, 48(36): 45
- Yeo, S. 2007. First-year university science and engineering students' understanding of plagiarism. *Higher Education Research & Development*, 26(2): 199-216.
- Yusof, D.S.M & Masrom, U.K. 2011. Malaysian students' understanding of plagiarism. *The International Journal – Language Society and Culture*, 33: 1-7.